



Islam di Malaysia: Penilaian semula fahaman salafi jihadi dan intepretasi jihad oleh Al Jama'ah Al Islamiyah

Zulkarnain Haron¹, Nordin Hussin¹

¹Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi (PPSPS), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Zulkarnain Haron (email: amiruliskandarzul@yahoo.com)

Abstrak

Tujuan artikel ini adalah untuk menganalisa fahaman *salafi jihadi* dan konsep jihad yang diinterpretasi oleh pengikut *Al Jama'ah Al Islamiyah*. Oleh kerana jama'ah ini menerapkan konsep *dakwah wal jihad* di dalam mencapai matlamat perjuangan mereka maka artikel ini juga akan membincangkan bagaimana terdapatnya sesetengah golongan yang mempunyai *ijtihad* yang berbeza di dalam mendefinisikan strategi *jihad qital* (peperangan) dan juga mengenalpasti dari manakah ideologi *salafi jihadi* ini meresapi dalam organisasi ini serta tokoh-tokoh *salafi* yang sangat mempengaruhi perjuangan mereka. Ada tokoh dan ulama *salafi jihadi* yang memberi tafsiran semula terhadap sempadan dan batas-batas jihad yang mana mereka ini mempunyai hubungan yang rapat dengan pengikut *Al Jama'ah Al Islamiyah*. Golongan ini menolak limitasi tradisional terhadap pelaksanaan jihad terutamanya dalam perkara-perkara yang melibatkan kematian tidak kira orang Islam atau bukan Islam dan dengan cara itu mereka membenarkan perlakuan dan tindakan jihad yang lebih luas dan agresif. Akhir sekali, artikel ini akan mengenalpasti terdapatnya golongan radikal di dalam *Al Jama'ah Al Islamiyah* ini yang menolak definisi jihad secara tradisional dan memberi definisi semula terhadap perjuangan jihad global bagi menghalalkan tindakan yang lebih agresif dan menerima implikasi terhadap kemusnahan sampingan (*collateral damage*) yang berlaku kepada saudara seagama mereka sendiri.

Katakunci: *Al Jama'ah Al-Islamiyah*, doktrin Islam, jihad, radikalisme agama, *salafi*, terorisme

Islam in Malaysia: A study on the *salafi jihadi* doctrine and the interpretation of jihad by *al Jama'ah al Islamiyah*

Abstract

Religion defines society and differences in interpretations of religious doctrines are commonplace. Although Malaysia is a *sunni* Muslim country, differences exist in the adherents' take of certain religious precepts. This paper analyses the doctrine of *Salafi Jihadi* to provide an understanding of the concept of jihad as interpreted by the members of *Al Jama'ah Al-Islamiyah*. Focusing on the source of *Salafy Jihady* ideology the paper identifies the leaders and scholars who deeply influenced followers on the new interpretation of jihad, and explains how different groups had difference understandings of the jihad. It was found that there were *Salafi Jihadi* leaders and scholars who defined new limits and boundaries of jihad, and that there existed members of a group that camouflaged themselves as *Salafi Jihadi* but rejected the traditional definition of jihad and provided a new definition of jihad in order to pursue their political goals and justify a more aggressive orientation towards non-Muslims, even to the extent of incurring collateral damage to their own Muslim brethren.

Keywords: Islamic doctrines, *Al Jama'ah Al-Islamiyah*, *jihad*, religious radicalism, *salafi*, terrorism

Pengenalan

Islam telah mengenalpasti bahawa terrorisme adalah merupakan satu penyakit yang telah mencemarkan keindahan dan kesucian agama Islam yang syumul ini. Apabila agama Islam dikaitkan dengan keganasan dan kekerasan maka ianya telah menimbulkan keresahan dan kesedihan dikalangan umat Islam secara keseluruhannya. Secara tidak langsung ianya memberi imej yang tidak baik kepada penganut dan komuniti Islam sedangkan Islam adalah agama yang menganjurkan keamanan, kesaksamaan dan kedamaian. Umat Islam di merata dunia merasa amat terkilap apabila mendengar siri keganasan yang berlaku samada dilakukan oleh orang Islam ataupun bukan Islam dan tidak kira samada ianya berlaku di negara Islam ataupun bukan Islam. Para cendekiawan Islam telah menyatakan dengan jelas serta memberikan justifikasi dan klarifikasi bahawa keganasan yang berlaku adalah bukan ajaran atau ajuran Islam.

Artikel ini bertujuan untuk menganalisa fahaman *salafi* dan pengertian jihad dalam Gerakan *Al Jama'ah Al Islamiyah* serta dengan jelas ingin menyatakan bahawa punca dan jenis keganasan seperti membunuh orang yang tidak bersalah bukannya merupakan ajaran Islam. Sebaliknya ianya adalah menjadi tanggungjawab umat Islam untuk menentang perilaku sebegini demi memastikan keamanan dan keadilan kepada masyarakat dunia. Sejak beberapa abad yang lepas, fenomena radikal, ekstremis atau fundamentalis di kalangan umat Islam sering disinonimkan dengan fahaman agama. Setidak-tidaknya, ini lah label yang telah diberikan oleh pengkaji dan cendekiawan. Fahaman agama yang sering menjadi sumber inspirasi atau mempengaruhi perjuangan sering dikaitkan dengan fahaman *wahabi* atau pengaruh *salafi*. Sebenarnya jika dikaji dan diamati dengan teliti, gerakan radikal Islam adalah merupakan fenomena sosial dan bukannya fenomena keagamaan. Tidak ada agama yang menganjurkan keganasan apatah lagi agama Islam yang suci dan syumul ini melainkan ianya adalah salah satu faktor sahaja yang menjadi faktor penyumbang kepada radikalisasi gerakan sosial dalam masyarakat.

Latar belakang *Al Jama'ah Al Islamiyah*

Al Jama'ah Al Islamiyah adalah merupakan sebuah gerakan Islam yang ditubuhkan di Kg Serting, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Malaysia pada 1 Jan 1993 oleh dua orang tokoh agama dari Indonesia iaitu Abdullah Sungkar dan Abu Bakar Basyir. Kedua tokoh ini bersama-sama dengan sekumpulan pengikut mereka telah melarikan diri dari tekanan oleh rejim Suharto pada tahun 1985 dan mereka menetap di Malaysia sehinggalah kejatuhan rejim Suharto pada tahun 1998. Jama'ah atau gerakan ini adalah merupakan legasi dari perjuangan Darul Islam (DI) untuk mendirikan Negara Islam Indonesia (NII) yang dipelopori oleh S.M Kartosuwiryo di Indonesia pada tahun 1949. *Al Jama'ah Al Islamiyah* ditubuhkan secara rasmi setelah berlakunya perpecahan (infhisol) dari DI pada tahun 1993 lanjutan dari perselisihan pendapat diantara Abdullah Sungkar dengan pemimpin DI di awal tahun 1990an. iaitu Ajengan Masduki (Jones, 2002). Jika dilihat dari perspektif teologisnya, *Al Jama'ah Al Islamiyah* berpandangan bahawa Islam adalah satu sistem kehidupan yang *universal* dan bersifat *kaffah* dimana ianya menjawab segala persoalan dalam kehidupan dan bernegara. Umat Islam berkewajipan melaksanakan syariat Islam dan sekiranya tidak dilaksanakan maka akan jatuh kufurlah seseorang itu. Di dalam pandangan *Al Jama'ah Al Islamiyah* juga, Islam adalah intergrasi diantara agama dan politik (kekuasaan) atau '*Al Islam huwaddinu wa daulah*' (Abu Bakar, 2012). Justeru, manifestasi dari konsep tersebut, Ba'asyir berpendapat bahawa umat Islam berkewajipan untuk menegakkan negara Islam dan merealisasikan syariat Islam berdasarkan Al Quran.

Matlamat perjuangan jama'ah ini adalah untuk mendirikan Daulah Islamiyah di Indonesia dengan menggunakan pendekatan manhaj *dakwah wal jihad* manakala pegangan akidah mereka adalah akidah *ahlus sunnah wal jamaah minhajis salafus soleh* (PUPJI, 1996; Nasir Abas, 2012; Abu Rusydan, 2012; Abu Bakar, 2012; Said, 2012). Walaubagaimana pun, jama'ah yang ditubuhkan pada tahun 1993 ini sebenarnya telah berpecah selepas kematian *Amir* yang pertama iaitu Abdullah Sungkar pada 23 Oktober 1999. Apa yang berlaku selepas tahun 2000 adalah merupakan tindakan serta aksi dari kumpulan-

kumpulan serpihan yang tidak lagi berkongsi ideologi yang sama serta tidak lagi menjadi ahli jama'ah secara strukturalnya tetapi masih lagi mempunyai kaitan dari segi sejarah penubuhannya.

Segelintir pemimpin dan pengikut jama'ah yang telah berpecah ini menggunakan hujah teologi agama untuk membenarkan tindakan kekerasan dan radikal sepertimana yang dipamerkan dalam aksi-aksi pengeboman dan pembunuhan warga awam termasuk orang Islam sendiri. Pengikut jamaah ini menggunakan dalil dan hujah yang dipetik dari Al Quran dan hadis yang mana bersesuaian untuk menghalalkan tindakan mereka. Pada zaman sekarang, ada satu konsep yang dipelopori oleh sebahagian ulama yang mengaku menisbatkan diri mereka pada *Salafus Soleh*. Konsep ini dinamakan "terjemahkan saja". Berdasarkan konsep ini, "kita harus berserah diri, jangan menggunakan akal, apa yang Allah Ta'ala dan Rasulullah sampaikan dan apa yang dicontohkan oleh Salafus Soleh harus diterima dan diikuti seadanya berdasarkan penterjemahan / penafsiran terhadap nas-nas Al Quran dan Hadis secara zahir kerana Al Quran diturunkan dalam bahasa Arab yang jelas". Hujah untuk menjustifikasikan konsep mereka adalah firman Allah yang bererti, "dengan bahasa Arab yang jelas" (Asy Syu'ara': 26). Hujah dan justifikasi ini amat mempengaruhi pengikut-pengikut yang cetek ilmu pengetahuan, dahaga kepada agama dan mempunyai sifat fanatik terhadap keagamaan justeru lanjutan dari itu mereka amat mudah untuk direkrut, dipengaruhi atau dimanipulasi.

Fahaman wahabi dan kaitannya dengan Al Jama'ah Al Islamiyah

Artikel ini akan membincangkan tentang fahaman wahabi bagi menjelaskan tentang akar ideologi dan *manhaj* perjuangan *Al Jama'ah Al Islamiyah*. Ini adalah kerana untuk memahami konsep jihad gerakan *Al Jama'ah Al Islamiyah* ini secara holistik, perlu difahami apakah ideologi dan akidah anutan pengikut jamaah ini terlebih dahulu. Justeru, perkara pokok atau tema utama yang perlu diselidiki adalah fahaman *salafi wahabi* atau disebut juga sebagai *muwahiddun* (golongan yang mentauhidkan Allah) yang menjadi latarbelakang kepada gerakan ini. Kebanyakan literatur merujuk atau mengaitkan gerakan ini dengan fahaman *salafi* atau *salafiyah*. Walaupun *salafi* dan *wahabi* merupakan dua istilah yang berbeza tetapi sebenarnya kedua-dua istilah ini adalah merupakan fahaman atau ajaran yang sama.

Artikel ini akan cuba menjelaskan persamaan kedua-dua istilah tersebut yang selama ini menjadi kekeliruan dikalangan masyarakat awam serta kebanyakan pengkaji. Penjelasan ini juga perlu dilakukan bagi menerangkan bagaimana pengikut gerakan *Al Jama'ah Al Islamiyah* ini sebenarnya berselindung disebalik akidah mereka dengan menyandarkan (menisbatkan) diri mereka dengan golongan *salafus soleh*. Sememangnya bagi masyarakat awam yang tidak memahami sejarah fahaman *wahabi* akan bersetuju dengan gerakan dakwah yang dianjurkan oleh *Al Jama'ah Al Islamiyah* ini sedangkan sebenarnya fahaman ini telah menjurus umat Islam kepada kefahaman agama yang sempit dan radikalisme atas nama agama yang akhirnya mencemarkan imej agama dan imej umat Islam sendiri.

Wahabi adalah merupakan sebahagian dari kumpulan orang Islam (*firqah*) yang dibangunkan oleh Muhammad bin Abdul Wahab (1702-1787). Pihak yang menentang fahaman ini melabelkan gerakan ini sebagai wahabi sementara pengikut fahaman ini menamakan diri mereka sebagai *Muwahiddun*. Sebenarnya wujud kekeliruan apabila melabelkan fahaman Muhammad bin Abdul Wahab ini dengan nama wahabi kerana Abdul Wahab adalah nama bapa pengasas fahaman ini dan beliau adalah seorang ulama *ahlus sunnah wal jamaah*. Justeru, menamakan fahaman ini dengan nama wahabi adalah suatu yang tidak tepat kerana pengasasnya adalah Muhamamad bin Abdul Wahab. Namun begitu ada ulama-ulama wahabi sendiri tidak menyangkal dakwaan dan gelaran wahabi ini, malah mereka menamakan kumpulan tersebut dengan nama wahabi sebagaimana yang terdapat pada tajuk kitab mereka *al Hadiyyah al Saniyyah wa Tuhfah Wahhabiah al Najdiah* yang dicetak oleh percetakan Ummul Qura', Mekah pada tahun 1344 Hijrah (Muhammad Fuad, 2006).

Seorang ulama Mazhab Syafie di Mekah iaitu Syaik Sayid Ahmad Zaini Dahlan turut menulis sebuah buku yang menolak fahaman wahabi ini dengan judul "*Ad Duratus Saniyah firraddi alal Wahabiyah*" (Permata yang bertatah untuk menolak fahaman Wahabi) membuktikan bahawa nama wahabi ini sudah wujud sejak sekian lama (Ahmad, 1991). Fahaman Wahabi selalunya dianggap sebagai

penerusan fahaman Ibnu Taimiyah , bahkan dalam banyak hal fahaman ini lebih radikal lagi dari Ibnu Taimiyah (Sirajuddin Abas, 1996)

Siapakah yang dimaksudkan dengan *Salafus Soleh*

Selanjutnya artikel ini akan membincangkan bagaimana pula istilah *salafi* dikaitkan dengan wahabi. Adakah kedua istilah ini berbeza atau adakah ianya fahaman yang sama cuma berbeza nama. Perkataan *Salafi* adalah kata nisbah bagi *Al Salaf*. Dari segi bahasanya, *Al Salaf* bermaksud orang-orang yang mendahului atau hidup sebelum zaman kita (Abu al-Fadhl Muhamad, 1410H). Istilah *Al Salaf* secara mudah untuk difahami adalah merujuk kepada generasi awal Islam iaitu para sahabat nabi s.a.w, para *tabi'in* dan *Tabi' al-Tabi'in* serta para imam yang mewarisi ilmu dan pendidikan dari generasi awal tersebut. Ini jelas diterangkan dalam sebuah hadis Rasulullah s.a.w: ”*Sebaik-baik manusia adalah (yang hidup) di masaku, kemudian mereka yang mengikuti mereka (tabi'in), kemudian yang mengikuti mereka (tabi' at-tabi'in)....*” (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim).

Justeru, seseorang yang mengaku *salafi* adalah seseorang yang mengikuti ajaran para sahabat Nabi S.A.W, *tabi'in* dan *tabi' at-tabi'in*. Di sini timbul satu persoalan yang amat mengelirukan iaitu, adakah umat Islam lain yang mengikuti dan mengamalkan syariat dan ajaran Islam mengikut mazhab Imam yang empat tidak dikira *salafi*. Sedangkan keempat-empat Imam ini adalah terdiri dari golongan *salaf* yang hidup di dalam zaman atau generasi terbaik yang dimaksudkan dalam hadis tersebut. Malah Imam-imam ini lebih dekat dengan *tabi'in* dan *tabi at tabi'in* berbanding dengan Ibnu Taimiyah yang hidup 600 tahun selepas kewafatan Nabi S.A.W dan Muhamad bin Abdul Wahab yang lahir 1400 tahun selepas kewafatan Nabi S.A.W.

Ada sesetengah ulama kemudiannya menambahkan label *al Shalih* (menjadi *al Salaf al Shalih*) untuk membezakan generasi terdahulu dengan generasi sekarang. Jika dianalisa dari tempoh masa, tiga generasi terbaik yang dimaksudkan adalah generasi dalam tempoh 300 tahun selepas kewafatan Nabi S.A.W. Justeru, seorang *salafi* memberi makna seorang yang mengaku mengikuti jalan para sahabat Nabi s.a.w, para *tabi'in* dan *Tabi' al-Tabi'in* serta para imam yang mewarisi ilmu dan pendidikan dari generasi awal tersebut dengan memahami sepenuhnya setiap ajaran yang ditinggalkan. Lanjutan dari perkataan ini maka timbul bentuk perkataan lain seperti *Salafiyah* (yang bermaksud ajaran atau fahaman *kesalafan*) atau *Salafiyun/Salafiyin* yang merupakan bentuk plural dari perkataan *Salafi*. *Salafiyah* juga boleh diertikan dengan khazanah ilmu yang bersumberkan dari pemahaman secara mendalam tentang ajaran *Salafus al-Shalih* (Abu Abdirrahman, 2006). *Salafiyah* juga bermaksud membawa semangat untuk kembali kepada yang asal kerana yang asal itu lebih murni, dekat dan sesuai dengan kehendak Al Quran dan As Sunnah (Muammar, 2010). Golongan *Salafi* ini sebenarnya bercita-cita untuk mengembalikan umat Islam kepada ajaran asal yang difahami oleh *al Salaf al Shalih*.

Berdasarkan dari definasi yang telah dibincangkan diatas, sebenarnya tidak ada masalah bagi sesiapa sahaja yang mengaku diri mereka *salafi* kerana setiap umat Islam mengakui tentang kedudukan Nabi S.A.W dan dua generasi terbaik selepas Nabi S.A.W kerana sedikit sebanyak setiap umat Islam yang bermazhabkan Imam yang empat mempunyai sifat ”*kesalafian*” di dalam diri mereka walaupun ianya tidak dicanangkan secara terbuka. Masalah yang timbul lewat abad ke 20 ialah ada sekelompok umat Islam yang mencanangkan bahawa hanya mereka adalah dari golongan *salafi* dan pengikut *manhaj salaf* lalu menuduh kelompok umat Islam yang lain tidak mengikut *manhaj salaf* (Habib Rizieq, 2012). Berdasarkan pengkajian, kelompok yang mengaku *salafi* ini sebenarnya adalah juga dikenali sebagai wahabi. Justeru, tidak ada perbezaan diantara *salafi* dan *wahabi*. Fahaman ini dikenali sebagai *Wahabiyah Hanbaliyah* di Jazirah Arab dan apabila fahaman ini di ekport ke luar dari tanah Arab ianya bertukar nama menjadi *salafi* (Hassan, 1992).

Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buthi dalam bukunya, *as-Salafiyah Marhalah Zamaniyah Mubarakah La Madzhab Islamiy* telah membongkar penyamaran *Salafi* Wahabi ini dengan mengatakan bahawa Wahabi telah bertukar jenama menjadi *Salafi* atau kadangkala menjadi *Ahlussunnah* tanpa diikuti dengan istilah *wal Jamaah* kerana golongan ini merasa tidak selesa apabila dilabelkan sebagai wahabi

(Sa'id Ramadhan al-Buthi, 1996). Golongan wahabi ini menukar nama kepada *salafi* kerana jika fahaman ini *diniskan* kepada wahabi atau pengasasnya Muhammad bin Abdul Wahab maka gerakan dakwah mereka untuk memurnikan Islam akan menemui kegagalan untuk menarik pengikut atau menyebarkan fahaman ini di luar tanah Arab disebabkan gerakan wahabi telah banyak menimbulkan kontroversi malah melibatkan pertumpahan darah di Tanah Arab sendiri sebagai contohnya Peristiwa Mekah Berdarah pada tahun 1979.

Istilah *salafi* ini dipercayai diperkenalkan oleh seorang ulama wahabi iaitu Syaikh Nashiruddin Al Abani (1914-1999) bagi menyegarkan atau memberi nafas baru kepada fahaman ini agar ianya dilihat lebih menarik dan mendapat sambutan (As-Sunnah, 1420). Setelah "penjenamaan semula" istilah *wahabi* kepada *salafi* ini maka gerakan dakwah wahabi mula mendapat sambutan kerana gagasan yang mereka bawa adalah mengajak umat Islam kembali kepada pemahaman '*salaf*'.

Persoalan *salafi* wahabi dan *salafi* jihadi

Seperkara yang menjadi perbincangan dikalangan ulama dan cendekiawan ialah fahaman *salafi jihadi* yang menjadi pegangan atau doktrin *Al Jama'ah Al Islamiyah*. Persoalan *Salafi Wahabi* dan *Salafi Jihadi* adalah merupakan satu isu yang mengelirukan kerana perbezaan istilah dan dalam konteks mana ianya diguna pakai. Perbincangan tentang istilah ini selalunya menjurus kepada kekeliruan dalam konteks manakah *Al Jama'ah Al Islamiyah* itu sepatutnya dikategorikan. Menurut pengikut-pengikut *Al Jama'ah Al Islamiyah*, mereka mengakui bahawa mereka berpegang kepada akidah *Ahli Sunnah wal Jamaah ala' Minhajis Salafis Soleh* (PUPJI, 1996; Said, 2012; Nasir Abas, 2012).

Mereka memahami Islam secara menyeluruh dengan mengikuti pemahaman para *as Solafus Solih*. Namun begitu, beberapa persoalan timbul apabila mereka mengatakan bahawa mereka bertaklid kepada ulama-ulama *salaf*. Istilah '*salaf*' itu sebenarnya tidak merujuk kepada 'kelompok yang mempunyai keyakinan yang sama' atau merujuk kepada 'sesuatu mazhab dalam Islam' tambahan pula tidak terdapat satu hadis atau dalil yang meriwayatkan bahawa ada di antara sahabat-sahabat Nabi S.A.W, imam-imam mujtahid dan para ahli hadis yang menggelarkan diri dan pengikut mereka sebagai golongan '*salafi*'. Apabila membahaskan tentang istilah *salafi* wahabi atau *salafi* jihadi ianya perlu dilihat dari konteks sejarah tentang kelahiran fahaman tersebut serta tokoh-tokoh yang terlibat dibelakangnya. Justeru, dapat dibuat kesimpulan diantara kedua-dua istilah tersebut adakah ianya mempunyai persamaan ataupun berbeza sama sekali.

Pemikiran *Salafi* adalah merupakan landasan berbagai gerakan Islam sejak beberapa dekad ini. Semangat *tajdid* (pembaharuan) adalah sebab terbentuknya berbagai Gerakan Islam tersebut dan keterampilan gerakan *Salafiyun* mencerminkan corak *Salafi* dalam arus *tajdid* tersebut. Terdapat dua penyebab utama munculnya aliran *Salafiyah* iaitu pertamanya, pembersihan pemikiran Islam dengan menekankan wawasan bahawa umat Islam perlu kembali kepada zaman kegemilangan awal Islam bagi menyelesaikan kegawatan agama dan mencari jalan keluar dari masalah yang membelenggu umat Islam baik dalam bidang agama mahupun duniawi dan sebab yang kedua adalah untuk membangkitkan kecemerlangan Islam dengan cara melakukan pembaharuan agama dan reformasi moral (Syamsu Rizal, 2006).

Namun begitu, dari gerakan *Salafiyun* ini muncul golongan yang dipanggil kelompok ekstrem *Salafi Yamani* (Irfan Awwas, 2003). Di antara ciri-ciri *Salafi Yamani* ialah gemar membida'ahkan, mencari kesalahan orang lain lalu menyebarkannya, menyesatkan kelompok lain dan memberi label-label tertentu kepada golongan yang berbeza dari mereka. Pengikut *Salafi Yamani* tidak mengambil bahagian dalam proses mendakwahkan dan berkomunikasi dalam masyarakat kerana mereka menganggap kerjasama sebegini adalah satu bida'ah. Apa yang paling ketara ialah kelompok ini bersikap jauh lebih keras sesama Islam berbanding dengan orang kafir (Irfan Awwas, 2003).

Dari mana munculnya *Salafi Jihadi*

Selain dari gerakan ekstrem *Salafi Yamani*, *Salafiyun* juga menjadi latarbelakang kepada kebangkitan *Salafi Jihadi*. *Salafi Jihadi* adalah istilah yang diberikan kepada kalangan umat Islam yang beraliran pemikiran seperti *Salafiyun* (iaitu kembali kepada Al-Quran dan sunnah, memurnikan akidah serta menolak bida'ah) dan golongan ini mempunyai matlamat dakwah untuk menegakkan daulah Islam dengan menggunakan kaedah *jihad qital* (perang) serta tidak ragu-ragu mengkafirkan pemerintah Islam yang tidak menegakkan hukum syariah di dalam sesebuah negara. Konsep *Salafiyyah* ini sebenarnya membawa pengertian satu aliran yang berkehendakkan *ahlul as-salaf* sebagai ikutan dan panduan umat Islam namun begitu konsep ini didapati telah terpesong dari landasan yang sebenarnya. Ia telah menjadi satu aliran pemikiran atau mazhab khusus bagi golongan tertentu yang mendakwa mereka menjadi pengikut ulama tertentu seperti *Ibnu Taimiyah* dan menolak ulama lain yang dianggap telah menyimpang dari kebenaran. Walaupun perkataan *Salaf* kelihatan sinonim dengan kelompok *Salafi* namun sebenarnya ia bukan hak eksklusif dan menjadi ciri-ciri khas golongan tersebut. Menurut Muhamad Sa'id Ramadan juga, *Salafiyyah* sebenarnya bukan suatu mazhab pemikiran melainkan suatu *zaman yang berkah*. Adalah menjadi bida'ah menjadikan *Salafiyyah* sebagai suatu aliran yang tertentu dan membezakannya dengan aliran *Ahlul Sunnah wal al-Jama'ah*. (Muhamad Sa'id Ramadan, 1996).

Persoalan *salafi* wahabi ini sebenarnya amat kompleks dan garis pemisahnya hampir sukar untuk dikenalpasti. Justeru, kefahaman yang mendalam tentang definasi wahabi, *salafi*, *salafus soleh*, *salafiyun*, *salafi yamani* dan *salafi haraki* amat penting untuk menentukan garis pemisah diantara kelompok-kelompok dalam aliran yang mengaku berfahaman *salafi* ini. Ini adalah untuk mengelakkan umat Islam terjerumus di dalam keraguan dan melabelkan sesuatu golongan sebagai sesat dan sebagainya. Artikel ini seterusnya akan membincangkan satu lagi cabang yang terakhir di dalam fahaman *salafi* iaitu golongan yang dipanggil *salafi takfiri*. Perkataan *takfiri* diambil dari kata *takfir* yang bermaksud mengkafirkan (Abu Aman et al., 2011).

Golongan *takfiri* adalah satu lagi kelompok serpihan dari *salafi* wahabi yang muncul di era 1970an. Jika dikaji aliran *takfiri* kontemporari dengan pelbagai alirannya *sanad* keilmuan mereka tidaklah sampai kepada para ulama *salaf* namun hanya berakhir pada *Jamaah Takfir wal Hijrah*, *Jamaah Jihad* dan *Jamaah Islamiyah* yang muncul pada tahun 70-an di Mesir. Aliran *takfiri* ini tumbuh berkembang dari gagasan Sayyid Qutb. Sayyid Qutb pada awalnya terdidik oleh ajaran Ikhwan Muslimin yang didirikan oleh Hasan al Banna pada tahun 1928 namun pada akhirnya Sayyid Qutb memisahkan diri secara pemikiran dari ideologi Ikhwan Muslimin. Tokoh-tokoh *takfiri* ini adalah Ayman al Zhawahiri dan Abu Muhammad al Maqdisi yang terlibat dengan generasi awal *Jamaah Jihad* pada tahun 1966 setelah Sayyid Qutb dihukum bunuh. Maka tidak dapat disangkal lagi apabila kebanyakan literatur menyatakan bahawa elemen radikalisme dan keganasan kontemporari adalah berpunca dari gabungan fahaman wahabi dengan aliran radikal Sayyid Qutb dan dipelopori oleh Ayman al Zhawahiri semasa di Afghanistan yang merupakan tokoh besar Al Qaeda bersama Osama bin Laden.

Di antara fahaman-fahaman yang dipraktikkan oleh golongan *salafi takfiri* ini ialah memberikan hak eksklusif kepada mereka untuk mengkafirkan orang Islam yang tidak dalam golongan mereka diatas jenayah (samada betul atau imaginasi) dan praktik beragama yang bertentangan dengan praktik mereka. Mereka juga menolak sepenuhnya kuasa politik ke atas pemerintah yang sah (Oliveti, 1987). Golongan *takfiri* menyatakan bahawa idea dan gagasan politik selain daripada gagasan Islam mereka adalah tidak sah malah mereka melabel pemimpin-pemimpin tersebut sebagai orang yang merampas kuasa lalu mereka layak atau menjadi kewajiban untuk membunuh dan merampas kuasa dari mereka. Golongan *salafi takfiri* juga mempunyai interpretasi yang berlainan berhubung dengan soal jihad. Perkara jihad ini dibincangkan secara terperinci di bawah tajuk aliran fahaman jihad dan interpretasi *Al Jama'ah Al Islamiyah* terhadap konsep jihad.

Al Jama'ah Al Islamiyah yang dipelopori oleh golongan muda yang begitu bersemangat untuk melaksanakan jihad global (ofensif) telah membuat intepretasi yang berlainan lalu ianya menjadi pegangan dalam perjuangan untuk meningkatkan kebangkitan Islam di Asia Tenggara. *Al Jama'ah Al Islamiyah* sering menjustifikasikan kewujudan mereka adalah berasaskan kehendak agama semata-mata

dan dengan menggunakan platform agama, mereka menggabungkan aliran fundamentalis *Salafi* diantara pemikiran radikal Sayyid Qutb dan aliran jihadi Abdullah Azzam. Bagi golongan ini, dakwah semata-mata adalah tidak memadai, justeru kekerasan perlu digunakan untuk menegakkan daulah Islam. Melalui fahaman dan aliran pemikiran ini lah maka terjadinya fenomena keganasan yang diterjemahkan oleh sebahagian pengikut *Al Jama'ah Al Islamiyah*.

Berdasarkan dari definasi *salaf* dan *salafiyah* yang telah dibincangkan di awal artikel ini, sebenarnya tidak timbul sebarang masalah jika seseorang atau sesuatu kelompok menggelarkan diri mereka sebagai golongan atau pengikut *salafi*. Ini adalah kerana setiap umat Islam mengakui kedudukan serta keistimewaan para sahabat Nabi S.A.W serta dua generasi terbaik selepas itu (*tabi'in dan tabi at tabi'in*). Tiga golongan ini hidup dalam tempoh masanya adalah kira-kira 300 tahun selepas kewafatan Nabi S.A.W. Walaubagaimana pun imej dan istilah *salafi* ini sudah mula menyimpang sekitar abad ke 18 dan ke 19 dan dipelopori oleh tokoh seperti Muhammad bin Abd Wahab (pengasas fahaman wahabi di Jazirah Arab) dan dikembangkan kemudiannya oleh tokoh dan ulama seperti Syaikh Abdullah bin Baz (1909-1999), Syaikh Nasruddin Al Albani (1914-1999), Ibnu Utsaimin, Syaikh Salih Fauzan Al Fauzan dan akhir sekali oleh Syaikh Abdullah Azzam (1941-1989) sekitar tahun 1980an-1990an semasa perang melawan Soviet di Afghanistan. Terdapat sebahagian kelompok tertentu yang menyatakan bahawa hanya mereka sahaja yang merupakan kelompok *salaf* manakala kelompok yang lain dianggap tidak mengikuti *salaf*.

Usaha Syaikh Nasruddin al Albani di dalam menjenamakan semula dakwah wahabi dengan istilah baru iaitu *salafi* telah membuahkan hasil bukan sahaja di dunia Arab malah fahaman ini mula dikembangkan di luar tanah Arab serta mendapat sambutan. Salah satu usaha dakwah mereka ialah mengajak dan menyeru umat Islam kembali kepada pemahaman *salaf*. Jika diamati dengan teliti, disebalik seruan untuk kembali kepada pemahaman *salaf* ini mereka melarang umat Islam dari mengikuti pemahaman *salaf* yang dipelopori oleh Imam yang empat iaitu Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Syafie dan Imam Ahmad bin Hanbal sedangkan kesemua ulama ini hidup di dalam tempoh tiga abad terbaik sepertimana yang dimaksudkan dengan golongan *salaf*. Mereka menggalakkan umat Islam mengikuti atau bertaklid kepada pemahaman orang-orang yang hidup selepas tiga abad terbaik (300 tahun selepas kewafatan Nabi S.A.W) iaitu pemahaman Ibnu Taimiyah, Muhammad bin Abd Wahab, Syaikh Abdullah bin Baz, Ibnu Utsaimin, Nashiruddin al-Albani, Syaikh Solih bin Fauzan al Fauzan dan lain-lain tokoh wahabi.

Sekiranya Ibnu Taimiyah sendiri hidup 600 tahun selepas kewafatan Nabi S.A.W, maka tokoh-tokoh wahabi selepas itu bermula dari Muhammad Abd Wahab dan lain-lain tokoh wahabi bukanlah merupakan ulama *salaf*. Justeru, disini dapat dilihat bahawa terdapat pemesongan fakta dikalangan pengikut *Al Jama'ah Al Islamiyah* yang menyatakan bahawa mereka adalah pengikut *manhaj salaf*. Berdasarkan kajian penulis, samada melalui tembual atau buku-buku rujukan yang digunakan, akidah *Ahli Sunnah wal Jamaah ala' Minhajis Salafis Soleh* ini akan bertemu dengan originnya di Afghanistan dan fahaman ini dipelopori oleh Syaikh Abdullah Azzam. Perkara ini mudah difahami kerana hampir kesemua pejuang jihad generasi pertama dan kedua yang dihantar ke Afghanistan pernah bertemu dan belajar samada secara langsung atau tidak langsung dengan Abdullah Azzam termasuklah Abdullah Sungkar (alm) dan Abu Bakar Ba'asyir sendiri (Abu Bakar, 2012; Nasir Abas, 2012).

Justeru, pada hakikatnya mereka ini bukanlah *salafi* atau pengikut *salaf*, tetapi adalah pengikut *Salafi Wahabi* iaitu pengikut Muhammad bin Abd Wahab. Muhammad bin Abd Wahab memang diakui seorang yang sangat mengkagumi Ibnu Taimiyah iaitu seorang ulama kontroversi yang hidup pada abad ke 8 Hijriah dan tokoh pemikir Islam ini dilihat sangat mempengaruhi pemikiran Muhammad bin Abd Wahab. Siapakah Nashiruddin al-Albani, Abdullah Ibn Baz, ibn Utsaimin, Fauzan al Fauzan dan lain-lain ulama wahabi jika dibandingkan dengan Imam Syafie, Hanafi, Maliki dan Hanbali? Padahal kepada mereka inilah (iaitu Imam yang empat) yang digelar sebagai para '*warasatul anbiya'* dimana umat Islam mengkaji dan mengambil ajaran Islam ini.

Pada abad ke 20, fahaman ini diperbaharui lagi oleh tokoh-tokoh *salafi* seperti Syaikh Abdullah bin Baz (1909-1999) dan Syaikh Nashiruddin Al Albani. Pada tahun 1984, semasa era perang Afghanistan, Syaikh Abdullah Azzam (seorang anak murid yang belajar fahaman *salafi* secara terus dari Syaikh Abdullah bin Baz) dan juga seorang tokoh Ikhwan Muslimin di Mesir telah mendedikasikan dirinya

dengan jihad di Afghanistan. Beliau telah mengeluarkan buku (*Ad Difa' An Aradli Al Muslimin Furudl Al' A'yan-The Defence of Muslim Lands*) yang menyatakan bahwa jihad di Afghanistan adalah hukumnya fardhu ain bagi setiap umat Islam di dunia malah meninggalkannya jihad di Afghanistan adalah bersamaan dengan meninggalkan solat dan puasa. Pandangan ini sama sekali berbeza dengan pandangan gurunya yang mengatakan bahwa jihad itu hukumnya fardhu ain bagi umat Islam di Afghanistan dan fardhu kifayah bagi umat Islam di luar wilayah Afghanistan.

Syaikh Abdullah Azzam lah yang telah mempopularkan ajaran-ajaran baru dalam fahaman *salafi wahabi* ini yang kemudiannya di kenali sebagai *as Salafy al Jihadi* atau *Salafi Jihadi* yang menjadi fahaman dan anutan pengikut *Al Jama'ah Al Islamiyah* hari ini. Azzam memberi pengertian jihad *fisabilillah* sebagai *qital fisabilillah* (perang dijalan Allah). Beliau juga turut menolak hadis yang mengatakan perang adalah jihad kecil kerana mengatakan hadis itu adalah hadis *mau'du* (palsu) dan tidak boleh dijadikan rujukan syari'i (Abdullah, 2007). Selain dari itu juga, Azzam telah mengeluarkan fatwa bahawa dengan turunnya dua ayat dari Surah At Taubah iaitu ayat 5 dan 36 yang dikenali sebagai *ayatus saif* (ayat pedang) maka ianya telah memansuhkan lebih seratus dua puluh ayat sebelumnya yang turun baik di Mekah atau Madinah berkenaan jihad yang tidak memberi pengertian tentang perang (qital). (Solahudin, 2011).

Kontroversi jihad global

Oleh kerana jamaah ini menerapkan konsep *dakwah wal jihad* di dalam mencapai matlamat perjuangan mereka maka artikel ini akan membincangkan bagaimanakah aspek jihad itu difahami dikalangan pengikut jamaah. Jihad atau *jahada* yang berasal dari perkataan arab ini terlalu kerap disalahtafsirkan sebagai Perang Sabil (*holy war*). Adalah menjadi kesilapan jika hanya mengaitkan atau menyamakan jihad dengan berlawan atau berjuang atau berperang kerana ianya adalah salah satu aspek sahaja dari jihad. Jihad memberi pengertian yang amat besar dimana jihad adalah merupakan perjuangan untuk melaksanakan kebaikan dan menolak ketidakadilan, penindasan dan kemungkaran dari seseorang atau dalam masyarakat. Perjuangan ini adalah perjuangan rohani, sosial, ekonomi dan juga politikal. Justeru, konsep dan ruang lingkup jihad itu sebenarnya amat luas dan bukannya hanya terhad kepada konflik bersenjata.

Jihad di dalam medan perang mengikut pandangan Islam adalah merupakan pilihan yang terakhir dan ianya tertakluk kepada kondisi-kondisi yang tertentu. Ianya hanya boleh dilaksanakan oleh sebuah negara Islam yang diketuai oleh pemimpin Islam (bukan individu atau kumpulan) untuk mempertahankan kebebasan yang mana termasuklah kebebasan beragama (Noh Gadot, 2012). Sepertimana yang termaktub di dalam Al Quran: "*Diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh), kerana sesungguhnya mereka telah dianiaya; dan sesungguhnya Allah Amat Berkuasa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan)*" (al Hajj: 22). Begitu juga dengan ayat; "*Iaitu mereka yang diusir dari kampung halamannya dengan tidak berdasarkan sebarang alasan yang benar, (mereka diusir) semata-mata kerana mereka berkata: "Tuhan kami ialah Allah". Dan kalaulah Allah tidak mendorong setengah manusia menentang pencerobohan setengahnya yang lain, nescaya runtuhlah tempat-tempat pertapaan serta gereja-gereja (kaum Nasrani), dan tempat-tempat sembahyang (kaum Yahudi), dan juga masjid-masjid (orang Islam) yang sentiasa disebut nama Allah banyak-banyak padanya dan sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong ugamaNya (ugama Islam); sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa*" (al Hajj: 22).

Aliran pemikiran dan intepretasi jihad

Sejak dulu lagi telah terdapat dua aliran pemikiran di antara ulama dan gerakan Islam tentang jihad. Jihad yang pertama didefinisikan sebagai jihad bela diri (defensif). Dalil kepada jihad ini adalah berasaskan ayat 8, Surah Al Mumtahanah: "*Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil*

kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana ugama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.” (al Mumtahanah: 60).

Ayat ini menjadi sandaran bahawa *jihad qital* (perang) itu hanya boleh dilakukan jika negara Islam diserang. Sebagai contohnya, jihad sebegini boleh dilakukan seperti di Palestin yang diserang oleh Israel, di Afghanistan dan di Iraq yang mana ditakluk oleh AS dan sekutu-sekutunya. Justeru, *jihad qital* hanya boleh dilakukan dengan kondisi sesebuah negara Islam telah diserang atau ditakluki dan bukannya di negara Islam yang tidak diserang. Umat Islam di dalam negara yang tidak terlibat dalam kondisi ini diharuskan membantu perjuangan jihad di Palestin, Afghanistan dan Iraq dengan syarat pergi ke negara tersebut sebagai sukarelawan jihad atau sekadar memberi bantuan kewangan dan mendoakan perjuangan tersebut. Saranan ini sesuai dengan ayat Al Quran: *” Dan apakah yang menghalang kamu (maka kamu) tidak mahu berperang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam) dan (untuk menyelamatkan) orang-orang yang tertindas dari kaum lelaki, perempuan dan kanak-kanak, iaitu mereka yang selalu (berdoa dengan) berkata: Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami dari negeri (Mekah) ini, yang penduduknya (kaum kafir musyrik) yang zalim dan jadikanlah bagi kami dari pihakMu seorang pemimpin yang mengawal (keselamatan agama kami) dan jadikanlah bagi kami dari pihakMu seorang pemimpin yang membela kami (dari ancaman musuh).* (An-Nisa: 4).

Ada juga perselisihan pendapat yang menyatakan bahawa *jihad qital* ini juga diharuskan untuk menyerang sebuah negara kafir (Darul Harbi) yang memusuhi Islam namun ianya memerlukan persetujuan Imam (Khalifah) dan ianya dilaksanakan dalam kerangka dakwah untuk menegakkan kalimah Allah S.W.T sepertimana yang dilakukan di zaman Khalifah Ar Rashidin. Namun, pendapat yang pertama ini lah yang banyak menjadi rujukan dan menjadi aliran serta pegangan kebanyakan ulama dan gerakan Islam. Ini termasuklah gerakan Ikhwanul Muslimin di Mesir. Disebabkan pegangan pendapat ini, Ikhwanul Muslimin di Mesir tidak pernah melakukan penentangan bersenjata ke atas pemerintah walaupun ditindas sejak berdekad lamanya oleh kerajaan Mesir.

Aliran pemikiran yang kedua tentang jihad ialah Jihad Global atau jihad ofensif. Jihad global disandarkan kepada beberapa ayat di dalam Al Quran seperti berikut: *”Wahai orang-orang yang beriman! Perangilah orang-orang kafir musyrik yang berdekatan dengan kamu; dan biarlah mereka merasai sikap kekerasan (serta ketabahan hati) yang ada pada kamu; dan ketahuilah sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang bertaqwa (dengan memberikan pertolonganNya)”* (At-Taubah: 9), *” dan perangilah kaum musyrikin itu semuanya sebagaimana mereka memerangi kamu semuanya; dan ketahuilah bahawasanya Allah bersama orang-orang yang bertakwa”* (At-Taubah: 9) dan ayat: *”Dan bunuhlah mereka (musuh yang memerangi kamu) di mana sahaja kamu dapati mereka, dan usirlah mereka dari tempat yang mereka telah mengusir kamu”* (Al Baqarah: 2).

Berdasarkan ayat-ayat ini lah segelintir pengikut *Al Jama'ah Al Islamiyah* menjadikannya sebagai dalil untuk memerangi setiap warga sesebuah negara *Darul Harbi* (kafir) walau dimana jua mereka berada. Secara umumnya, negara seperti Israel, AS, Britain dan Australia serta sekutu-sekutunya yang terlibat dengan penaklukan Afganistan dan Iraq serta penindasan di Palestin adalah layak untuk diperangi walau dimana mereka berada. Ini termasuklah apa jua bentuk aset, infra struktur dan juga kepentingan yang dimiliki oleh mereka baik di dalam negara Islam yang sedang diserang mahupun diluar dari negara-negara Islam yang tidak diserang. Justeru, amat mudah untuk difahami sekarang mengapa fenomena jihad global ini menjadi pegangan segelintir pemimpin dan pengikut *Al Jama'ah Al Islamiyah* yang berorientasikan aliran *salafi jihadi*. Dari perspektif agama juga, pengikut *Al Jama'ah Al Islamiyah* menyandarkan serta menjustifikasikan tindakan-tindakan mereka berdasarkan ayat-ayat yang telah dinyatakan tersebut. Darah orang kafir dikira halal serta harta mereka boleh dirampas dalam konteks ideologi jihad fisabilillah, begitu juga orang-orang Islam yang diyakini telah murtad maka mereka juga mempunyai status yang sama dengan orang kafir.

Di sinilah terdapatnya interpretasi yang berbeza dikalangan pendokong-pendokong jihad terhadap makna ayat-ayat tersebut. Sebagai contohnya, ayat dari Surah Al Baqarah ini bermaksud bunuhlah musuh yang memerangi kamu itu dalam konteks ”sebuah peperangan” tetapi bukannya membunuh warga kafir selain dari tempat yang menjadi medan pertempuran seperti di pusat-pusat perangnya, di tempat-tempat

awam dan selainnya. Begitu juga dengan tafsiran bagi ayat 5 Surah At Taubah iaitu ”*setelah habis bulan-bulan haram maka bunuhlah kaum musyrik itu dimana sahaja kamu jumpai mereka*” dan ayat 36 Surah At Taubah iaitu ” *dan perangilah kaum musyrikin itu semuanya sebagaimana mereka memerangi kamu semuanya*” yang mana maksudnya telah ditafsirkan demi kepentingan golongan tertentu (Ahmad Shafi’i, 2012). Justeru, pebezaan tafsiran/pendapat ini berlaku berlanjutan dari konsep ”terjemahkan sahaja” sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini apabila membincangkan bagaimana golongan *salafi wahabi* menterjemah teks Al Quran secara literal/harfiah yang memberikan makna dan interpretasi yang berbeza dari fahaman ulama *mainstream*.

Di dalam konteks ini, *Al Jama’ah Al Islamiyah* tidak terkecuali kerana golongan muda seperti Riduan Isamudin @ Hambali, Mukhlas, Amrozi, Dr Azahari, Noordin Md Top dan Imam Samudera @ Abdul Aziz yang sememangnya tidak berpuashati dengan kepimpinan Abu Bakar Ba’asyir selepas kematian Abdullah Sungkar, yang dikatakan terlalu lemah dan mudah dipengaruhi lalu mereka mengambil pendekatan radikal dan ofensif. Bagi Imam Samudera (alm) berjihad sama sahaja hukumnya dengan berpuasa dan oleh kerana berpuasa itu hukumnya fardu ain maka sesiapa yang meninggalkan jihad dikira telah berdosa (Imam Samudera, 2004). Imam Samudera membahagikan beberapa peringkat di dalam rangka memerangi golongan kafir iaitu Peringkat Menahan Diri, Peringkat Diizinkan dan Peringkat Wajib Memerangi Kaum Kafir. Menurut beliau perintah untuk memerangi telah pun datang dengan turunnya ayat 5 dan ayat 36 Surah At Taubah dan pada tahap yang keempat itu maka bermulalah tahap ofensif iaitu (*hujumi/berperang*) dan manifestasinya adalah terjadilah peristiwa Bom Bali yang dimaksudkan sebagai jihad ofensif.

Pada peringkat ini, seluruh kaum musyrikin perlu diperangi kecuali mereka bertaubat, masuk Islam, mendirikan solat dan membayar zakat. Sasarannya adalah individu-individu musyrikin dan tidak mengira tempat atau lokasi (Imam Samudera, 2004). Dalam konteks ini dapat dikaitkan bagaimana ideologi yang diterapkan oleh Syaikh Abdullah Azzam dan fatwa Osama pada tahun 1998 itu telah meresapi diri beliau dan bagaimana ianya diterjemahkan dalam bentuk aksi pengeboman di Bali. Pandangan ini sememangnya diperolehi dari Afghanistan melalui Abdullah Azzam yang menyatakan bahawa tiada makna lain bagi jihad melainkan qital dan hukum jihad adalah fardhu ain. Golongan yang memegang pendapat dan memilih aliran ini juga menyatakan adalah sesuatu yang diharuskan untuk melawan pemerintah yang zalim dan tidak menggunakan hukum Allah S.W.T sebagai undang-undang negara. Walaupun tidak merestui tindakan kumpulan-kumpulan yang terlibat dengan pengeboman di Indonesia tetapi Abu Bakar Ba’asyir menyatakan bahawa tindakan mereka adalah diharuskan dalam rangka jihad terhadap penguasa yang *taghut*. Namun Ba’asyir tidak dapat menjustifikasikan bagaimana dengan nasib orang awam yang tidak berdosa yang turut menjadi korban dalam kejadian tersebut (Abu Bakar, 2012).

Fahaman *Al Jama’ah Al Islamiyah* tentang jihad global

Konsep jihad *Al Jama’ah Al Islamiyah* seperti yang difahami banyak dipengaruhi oleh penulisan-penulisan dari pemikir-pemikir di Timur Tengah sejak tahun 1960-an lagi dan ianya lebih ketara di antara tahun 1980-an ke 1990-an. Antara pemimpin yang menjadi sumber inspirasi adalah Sayyid Qutb, Said Hawwa, Abdullah Azzam, Ayman al-Zawahiri dan tidak terkecuali Osama bin Laden. Seseengah pengikut jamaah ini seperti Imam Samudera secara terang-terangan menolak fahaman tradisional jihad dan lebih mempercayai dan mengagungkan ulama dan cendekiawan yang telah teruji di medan jihad. Bagi beliau, bagaimana seorang ulama yang tidak pernah melaksanakan jihad di medan perang tidak memahami isu dan kompleksiti tentang jihad. Hanya ulama yang telah melalui pengalaman berjuang dan berjihad yang lebih memahami dan berhak untuk bercakap tentang Islam terutamanya dalam hal-hal jihad (Imam Samudera, 2004).

Pemimpin dan cendekiawan jihadi memberi tafsiran semula terhadap sempadan dan batas-batas jihad. Golongan ini menolak limitasi tradisional terhadap pelaksanaan jihad terutamanya perkara-perkara yang melibatkan kematian tidak kira orang Islam atau bukan Islam dan dengan cara itu mereka membenarkan perlakuan dan tindakan jihad yang lebih luas dan agresif. Golongan ini juga memperkenalkan dimensi dan

persepsi pan-islamik yang baru tentang perjuangan jihad. Umat Islam tidak lagi berjihad dan berjuang di dalam negara mereka sahaja tetapi berjuang terhadap musuh-musuh Islam diluar sempadan geografi negara. Golongan ini mempertahankan dan memberi justifikasi bahawa disebabkan sentimen anti Islam di persada antarabangsa memerlukan umat Islam bertindakbalas secara global.

Di dalam senario ini, pengaruh Abdullah Azzam adalah dilihat sangat kritikal. Penulisan beliau tentang *Tarbiyah Jihadiyah* yang diterbitkan sebanyak 12 koleksi telah diterjemah dan diedarkan oleh penerbitan jehadis, Pustaka al-Alaq di Solo, Jawa dan menjadi bacaan wajib kepada pengikut *Al Jama'ah Al Islamiyah*. Beliau menyeru agar umat Islam mengambil bahagian dalam perjuangan jihad dan menekankan tentang situasi jihad global kontemporari. Bagi Azzam, "*jihad dan senjata, tiada rundingan, tiada dialog, tiada negosiasi; perjuangan jihad tidak berakhir dengan kemenangan di Afghanistan malah ianya menjadi obligasi setiap individu muslim sehinggalah tanah air orang Islam kembali kepada mereka. Di hadapan kita adalah Palestin, Iraq, Lebanon, Chad, Eriteria, Filipna, Burma...*" (Esposito, 2002).

Berdasarkan ideologi dan pemahaman inilah sebahagian pengikut *Al Jama'ah Al Islamiyah* menjustifikasi tindakan mereka dan memberi definasi semula terhadap pengertian jihad global atau jihad ofensif. Sentimen "Islam sedang diserang" menjadi elemen atau nadi perjuangan *Al Jama'ah Al Islamiyah* terhadap orang bukan Islam. Walaupun ianya melibatkan kematian orang Islam, ianya diharuskan berdasarkan definasi semula jihad yang telah diperluaskan sebelum itu. Secara umumnya, golongan radikal di dalam *Al Jama'ah Al Islamiyah* ini menolak definasi jihad secara tradisional dan memberi definasi semula terhadap perjuangan jihad global bagi menghalalkan tindakan yang lebih agresif dan menerima implikasi terhadap kemusnahan sampingan (*collateral damage*) yang berlaku kepada saudara seagama mereka sendiri. Seperti yang dinyatakan oleh Said Abdul Hassan semasa perbicaraannya selepas pengeboman kedutaan Australia yang menyebabkan kematian kepada beberapa orang Islam Indonesia, "*...kami tidak pernah menyesal... mereka mati kerana Allah...walaupun 10 orang yang mati ini adalah orang Indonesia kerana konsep jihad kami menerima kemusnahan sampingan (collateral damage)...*" (Sydney Morning Herald, 2005).

Kesimpulan

Artikel ini telah membincangkan dengan terperinci bagaimana ideologi *salafi wahabi* mendapat tempat di kalangan pengikut *Al Jama'ah Al Islamiyah*. Perbincangan juga telah mengenalpasti persamaan di antara istilah *wahabi* dan *salafi* yang telah menimbulkan kekeliruan dalam di kalangan masyarakat umum. Di dalam ajaran *salafi wahabi* sendiri juga telah muncul beberapa lagi aliran yang lebih ekstrem seperti *Salafi Yamani*, *Salafi Takfiri* dan *Salafi Jihadi*. Disamping itu terdapat juga aliran yang lebih moderat seperti *Salafi Haraki*. Walau apapun aliran atau pecahan dalam fahaman *salafi wahabi* ini, ianya jelas berbeza dengan ajaran *mainstream* Islam yang sebenar. Pemahaman tentang doktrin *salafi wahabi* telah dapat menjelaskan bagaimana radikalisme, jihad dan *irhabiyah* berkembang dalam suasana dunia Islam kontemporari. Dengan berselindung disebalik seruan ke arah mengikut *manhaj salaf* segelintir umat Islam memberi definasi dan interpretasi serta *ijtihad* yang berbeza dengan golongan *mainstream* Islam. Sebagai kesimpulannya, doktrin agama yang bermula dari doktrin keimanan melalui pemahaman tauhid inilah yang menterjemahkan segala bentuk matlamat, aksi, tindakan, aktiviti, gagasan, doktrin perjuangan serta matlamat akhir gerakan *Al Jama'ah Al Islamiyah*. Kefahaman terhadap doktrin tauhid dan aliran *salafi wahabi* yang berbeza dari ajaran *mainstream* Islam inilah yang telah menjelaskan bagaimana kedudukan jama'ah ini di dalam senario gerakan dakwah kontemporari.

Rujukan

- Abu al-Fadhl Muhamad Ibnu Manzur (1410H) *Kamus lisân al-Arab*. Dar Ihya al Turats al-Araby, Beirut.
- Abu Abdirrahman al-Thalibi (2006) *Dakwah salafiyah dakwah bijak meluruskan sikap keras dai salafi*. Hujjah Press, Jakarta.
- Abdullah Azzam (2002) *Tarbiah jihadiyah*. Pustaka Al Alaq, Solo.
- Abdullah Azzam (2006) *Dibawah naungan surah at Taubah*. Pustaka Al Alaq, Solo.
- Abdullah Azzam (2007) *Prinsip-Prinsip jihad* (edisi Indonesia). Fakhurrazi (terj.) *Hukumul Jihad*. Kafayah Cipta Media.
- As-Sunnah* Edisi 06/IV/1420:20-25.
- Esposito JL (2002) *Unholy war: Terror in in the name of Islam*. Oxford University Press, New York.
- Hassan Ali as-Segaf (1413H/1992M) “*as-Salafiyah al-Wahhabiyah*”. Dar al-Imam ar-Rawwas, Beirut.
- Imam Samudera (2004) *Aku melawan teroris*. Jazerra, Solo.
- Irfan Suryahardi Awwas (2003) *Dakwah & jihad Abu Bakar Ba’asyir*. Wihdah Press, Jogjakarta.
- Muammar K (2010) *Pseudo-Salafi, ekstremisme dan keruntuhan autoriti*. Kertas Kerja Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan II, Anjuran Akademi Pengajian Islam, UM 20-23 Julai.
- Muhamad Sa’id Ramadan al-Buthi (1996) terj. ‘*Salafi; Sebuah Fase Sejarah Bukan Mazhab*. Futuhal Arifin Lc (terj.). “*as-Salafiyah*” *marhalah zamaniyah mubarakah la madzhab islami.*, Dar al-Fikr, Damaskus.
- Muhammad Fuad Kamaluddin Al Maliki (2006) *Wahhabisme: Neraca syara’*. Sofa Production.
- Olivetio Vincenzo (2001) *Terror’s source: The ideology of wahhabi-salafism and its consequences*. Amadeus Books, United Kingdom.
- Sayid Ahmad al Sayid Zaini Dahlan (1991) *Al Durar al Saniyyah fi al Raddi ’ala al Wahhabiah*. In: Muhamad Fuad Kamaludin, Muhammad Fuad Kamaluddin Al Maliki. *Wahhabisme; Neraca Syara*. Dar al Jawami’ al Kalim, Kaherah.
- Sirajuddin Abas KH (1994) *I’itiqad Ahlussunnah Wal Jama’ah*. Pustaka Aman Press Sdn Bhd.
- Solahudin (2011) *NII sampai ji- salafy jihadisme di Indonesia*. Komunitas Bambu.
- Solahudin (2012) *NII sampai ji; salafy jihadisme di Indonesia*, Komunitas Bambu.
- Syamsu Rizal Panggabeh. *Organisasi dan gerakan Islam*. In: Taufiq Abdullah (eds) *Ensiklopedi Tematis dunia Islam dinamika masa kini*. PT. Ichtiar Baru van Hoeve, Jakarta.
- Sydney Morning Herald (2005) *Jakarta Embassy Bombers not Remorseful*. 7 Jun.
- Temubual dengan Abu Bakar Ba’asyir (bekas Amir Majlis Mujahiddin Indonesia (MMI) di MABES POLRI, Jakarta pada 13 Mac 2012.
- Temubual dengan Sydney Jones di International Crisis Group (ICG) Jakarta pada 6 Mac 2012.
- Temubual dengan Abu Rusydan (bekas Amir Darurat *Al Jamaah Al Islamiyah*) di Senayan, Jakarta pada 15 Mac 2012.
- Temubual dengan Nasir Abas (bekas Ketua Mantiqi III, *Al Jamaah Al Islamiyah*) di Petamburan, Jakarta pada 10 Mac 2012.
- Temubual dengan Said (bekas pengikut *Al Jama’ah Al Islamiyah*–Wakalah Johor) di Rawang, Selangor pada 27 Dis 2011.
- Temubual dengan Ahmad Shafii Mufid – Majlis Ulama Indonesia (MUI) Provinsi Jakarta di Jakarta pada 5 Mac 2012.
- Temubual dengan Habib Rizieq Shihab – Ketua Umum, *Front Pembela Islam* (FPI), Pentamburan, Jakarta pada 5 Jan 2012.
- Temubual dengan Dato Noh Gadot - Penasihat Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) di MAIJ, Johor Baharu pada 15 Feb 2012.